

10/12/2001

Polis ambil alih siasatan kebakaran DTC

KUALA LUMPUR, Ahad - Siasatan kebakaran Dewan Tunku Canselor (DTC), Universiti Malaya, pada 29 Jun lalu, oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat diambil alih oleh polis, kerana ada beberapa perkara yang meragukan dalam kebakaran itu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, berkata pengumuman hasil siasatan adalah di luar bidang kuasa kementeriannya.

Beliau berkata, sebelum ini kementeriannya melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat sudah menyiapkan laporan dan membentangkannya kepada Kabinet.

Bagaimanapun katanya, disebabkan terdapat perkara yang meragukan dalam kebakaran itu, polis diminta untuk menyiasat.

"Oleh itu, ia sudah menjadi kes polis dan pengumuman laporan siasatan kini dalam bidang kuasa mereka," katanya ketika ditanya mengapa hasil siasatan polis itu masih belum diketahui dan diumumkan.

Beliau berkata demikian selepas melawat tapak baru pusat penjaja pasar pagi Kawasan Perumahan Awam Tunku Abdul Rahman di Jalan Pekeliling Lama di sini, hari ini.

Kayveas mengakui tidak wajar bagi beliau mengulas perkara itu tetapi sukar untuk mengandaikan bahawa kebakaran berpunca daripada litar pintas.

Kebakaran awal pagi itu memusnahkan dewan berusia 37 tahun itu. Ia berlaku sehari sebelum Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadual merasmikan satu simposium di situ.

Pada 29 Ogos lalu, bekas Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Meor Chek Hussin Mahayuddin mengumumkan laporan polis berhubung kejadian kebakaran DTC sudah selesai dan dihantar ke Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

(END)